



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PENGLIBATAN MASYARAKAT DI KAWASAN SANTUBONG DALAM
INDUSTRI PELANCONGAN**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK

FATIMAH BINTI TENAIN	99319567
DUNCAN ANAK DADU	99514575
HAMASAH BINTI HASSAN	99545205
HASIAH ABDUL RAHMAN BAKAR	98174512
NOR ATIKAH BINTI JUNAIDI	98174743

Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang di
Univerisiti Teknologi Mara, Cawangan Sarawak untuk memenuhi sebahagian daripada
Diploma Pentadbiran Awam

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SARAWAK**

SEPTEMBER 2004

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji penglibatan penduduk kampung dalam industri pelancongan di kawasan Santubong, Kuching. Kajian ini meninjau jenis-jenis penglibatan masyarakat setempat di samping mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong dan menghalang penglibatan masyarakat setempat. Selain itu, kajian ini juga meninjau persepsi penduduk kampung terhadap perkembangan pelancongan yang wujud dan mengukur perbezaan persepsi antara penduduk kampung yang terlibat dan tidak terlibat dalam industri pelancongan. Seramai 100 responden telah terpilih secara rawak sebagai sampel kajian. Kaedah pengedaran borang soal-selidik dan temuduga digunakan untuk mengumpul data yang diperlukan. Data kemudiannya dianalisa dengan menggunakan kaedah ujian frekuensi dan *crosstabulation*. Keputusan kajian mendapati bahawa kebanyakan penduduk kampung melibatkan diri dalam industri perhotelan, diikuti dengan perniagaan yang berkaitan dengan pelancongan. Selain itu, mereka turut terlibat dalam aktiviti menyediakan pengangkutan dan juga sebagai pemandu pelancong. Hasil kajian juga mendapati bahawa penduduk kampung mempunyai persepsi yang baik terhadap perkembangan industri pelancongan di kawasan mereka.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI GAMBARAJAH	ix

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kawasan Kajian	7
1.2	Kenyataan Masalah	10
1.3	Objektif Kajian	12
1.4	Skop Kajian	13
1.5	Hipotesis	14
1.6	Andaian	14
1.7	Kepentingan Kajian	15
1.8	Batasan Kajian	17
1.8.1	Ketepatan Data Yang Dikumpul	17
1.8.2	Had Masa	17

Bab 1

PENGENALAN KAJIAN

1.0 Pengenalan

Di Sarawak, industri pelancongan merupakan sektor terpenting dalam menjana pendapatan negeri khususnya dan negara amnya. Semenjak pertengahan tahun 1970an, promosi pelancongan di Sarawak telah dikendalikan oleh tiga agensi utama iaitu *Sarawak Tourist Association (STA)*, *Tourist Development Corporation (TDC)* dan *State Tourist Development Committee (STDC)*. Walaubagaimanapun, sekarang ini promosi pelancongan di Sarawak telah diambilalih oleh *Sarawak Economic Development Centre (SEDC)* dan diterajui *Sarawak Tourism Board (STB)* di bawah Kementerian Pelancongan Sarawak. Negeri Sarawak sememangnya mempunyai tarikan tersendiri walaupun terpaksa bersaing dengan negara lain. Ini kerana Sarawak mempunyai budaya yang menarik, iklim yang sesuai, masyarakat pelbagai kaum yang hidup dalam suasana harmoni, kepelbagaian etnik, kekayaan kebudayaan, alam flora, keramahan penduduk dan keadaan politik yang stabil.

Pelancongan bukanlah merupakan satu bidang yang *homogenous* atau *stereotype*. Pelancong datang dari pelbagai negara, pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai keperluan yang berlainan, mengikut minat yang berbeza, umur, daya perbelanjaan mereka dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, dalam usaha kerajaan meningkatkan bidang pelancongan mampan dan bertahan lama (*sustainable*) setiap sektor pasaran perlu diberi perhatian yang secukupnya. Di antara bidang yang sedang giat dibangunkan ialah pelancongan berasaskan Bukit dan Peranginan, Acara Bertema, Pelancongan Layar, Pelancongan Kebudayaan dan Warisan, Persidangan, Insentif dan Pameran, Taman

Bab 2

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.0 Ulasan Karya

Darina Osman dalam artikelnya ‘Tarikan Baru Industri Pelancongan’ di dalam Dewan Ekonomi memberitahu “Kerajaan pusat telah menggubal Pelan Induk Pelancongan Desa Negara pada 2000 yang bertujuan untuk memaksimumkan potensi program pelancongan yang berasaskan pertanian dan tinggal bersama keluarga. Hal yang demikian bermakna pasaran untuk pelancongan seumpama ini masih luas di Malaysia” (Dewan Ekonomi, Julai 2003:24).

Menyedari hakikat ini, seorang pengusaha Mohd Yusof Saleh mengambil inisiatif menubuhkan Syarikat Seri Tanjung Tours & Homestay Sdn Bhd untuk menguruskan perniagaan berkonsepkan *homestay* di Kampung Seri Tanjung, Alor Gajah, Melaka. Penubuhan syarikat itu pada tahun 1997 telah diluluskan oleh kerajaan pusat dengan kerjasama daripada kerajaan negeri. Kerjasama seperti menyediakan modal, khidmat nasihat dan penerangan maklumat membuktikan bahawa kerajaan pusat dan kerajaan negeri sedia membantu peserta program *homestay* dalam menjayakan pelancongan *homestay* ini di kawasan mereka.

Pengarah Pemasaran Perbadanan Pelancongan Sarawak, Chris Robles dalam artikelnya *Ecotourism & Sarawak: It's Only Natural* di dalam Majalah *Breakaways: Sarawak Ecotourism Guide* menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak dengan jelas telah merangka pelan induk bagi memajukan industri pelancongan negeri dari tahun